



Lima legenda santuni penuntut UM

Oleh [Sukhairi Thani](#) - Januari 29, 2023 @ 10:46pm
sukhairi@nstp.com.my



Lima legenda bersama penuntut tahun akhir FSSE UM selepas Program INTEREST 2023.

KUALA LUMPUR: Lima legenda sukan negara turun padang menyantuni mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya (UM) dalam satu program anjuran Fakulti Sukan dan Sains Ekseksais (FSSE) pusat pengajian tertua Malaysia itu.

Mereka adalah bekas atlet olahraga, Datuk Noorul Ariffin Abdul Majeed; Datuk K Rajagopal (bola sepak); Datuk Zaiton Othman (olahraga); Datuk Malek Noor (bina badan) dan Cindy Ong (renang) yang kesemuanya adalah ahli Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).

"Melalui Program Sports4Community, YAKEB membawa bekas atlet untuk membantu menjayakan projek yang diusahakan mahasiswa tahun akhir FSSE Universiti Malaya," kata YAKEB di akaun Instagram mereka.

"Program Interest In Education&Sport Festival atau INTEREST 2023 yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar ini memberikan mereka satu pengalaman amat berguna sebelum melangkah ke alam pekerjaan keusahawanan pada satu masa nanti.

"Pelbagai aktiviti disediakan buat pengunjung termasuk forum, pameran, pemeriksaan kesihatan, jualan 'food truck', peluang kerjaya dan aktiviti sukan. YAKEB terbabit dalam dua slot iaitu sesi 'Meet&Greet' dan perlawanan bola sepak persahabatan.

"Peluang untuk beramah mesra bersama legenda sukan negara sememangnya mendapat sambutan hangat setiap kali diadakan, tidak terkecuali di UM ini," kata YAKEB di akaun Instagram mereka.

Program ini adalah yang pertama dianjurkan bagi 2023 dengan penutup acara menyaksikan pasukan Challo FC (selebriti) menewaskan pasukan pilihan FSSE dalam perlawanan bola sepak disertai gabungan mahasiswa dan bekas pemain kebangsaan, Abdul Malek Rahman, Mohamad Hardi Jaafar, Shahrin Abdul Majid, Mohd Gani Ali dan Noorul dengan keputusan 3-2.